

Dagangan untungkan sepihak mesti diubah

Sikap negara2 maju dibio

Serius mendengar ucapan



Oleh SYED OMAR ABDULLAH

KUALA LUMPUR, Sabtu — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, membidis sikap negara maju yang mengahang wujudnya Dasar Ekonomi Baru Antarabangsa.

Katanya, jawapan kepada krisis ekonomi dunia sekarang, ialah dengan menyusun semula secara sistemik sistem ekonomi dunia dan berkerjasama menubuhkan Dasar Ekonomi Baru Antarabangsa, berlandaskan kehendak dan aspirasi negara membangun.

Menurut Dr. Mahathir, dasar itu bukan bertujuan menjadikan negara membangun, khususnya Jepun sebagai rakaksa perdagangan dunia, tetapi meningkatkan penglibatan negara berkenaan dalam ekonomi dunia.

Berucap merasmikan Seminar Papan hari Pembangunan Antarabangsa Brand Commission Report anjuran Majlis Bella Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata manaja sudah lha bagi negara maju menyedari bahawa perdagangan yang tidak seimbang dan perijahan yang menguntungkan sebelah pihak, mestilah diubah.

Keperntingan negara maju, teganya, berkait rapat dengan kepentingan negara membangun dan jawabaya bagi mengatasi masalah ekonomi dunia hanya satu: "Bumada kita bekerjasama ataupun susah bersama".

Datuk Seri Dr. Mahathir menyangkal dakwaan pakar ekonomi negara maju yang baru Antarabangsa menjadi punca berlakunya krisis ekonomi sekarang.

Kendua yang sebenar, lembahnya, ialah disebabkan oleh Dasar Perlindungan Dagangan yang diamlkan oleh mereka sehingga berlaku inflasi yang hebat di negara berkenaan.

"Dasar Perlindungan bukanlah senjata berkesan untuk mengatasi kemelutetan ekonomi walaupun ia telah digunakan sebagai alasan untuk mengesakan sekatan dagangan.

"Sebenarnya dasar itulah yang menjadi punca utama kemelutan inflasi di kalangan negara maju hari ini," tegas Datuk Seri Dr. Mahathir.

Beliau mengas negara maju menarik semua sekatan dagangan bagi menyelmbangkan perdagangan antara mereka dengan negara membangun.

Beliau menggesa penglibatan negara membangun dalam ekonomi dunia ditambah dari 3 peratus kepada 25 peratus akhir tahun ini.

"Kita bukan mengharap drama atau meminta-minta pada mereka tetapi apa yang dipinta ialah pembahagian pasaran yang adil dan saksama," ujarnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir dagangan dan Perlindungan, menyangkal dakwaan negara barat mengabaikan kemelutetan dunia berpuca dari kemiskinan yang sedenar, berpuca dari kemalasan dan sikap tidak hormaya pekerja di negara maju untuk menyara hidup.

"Merca mengharap negara dunia ketiga menyediakan semua seperti yang dilakukan di zaman penjajahan dulu," ujarnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengancam sikap negara barat yang mengesakan hak asasi dunia ketiga untuk memproses hasil utama negara berkenaan.

SEBAHAGIAN peserta 14 negara yang bergabung dengan Majlis Bella Asia (MBA) serius mendengar ucapan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Seminar Papan hari mengenal Pembangunan Antarabangsa, di hotel Kuala Lumpur, pagi semalam.

Di kiri beliau ialah Ewek Zakaria Hashim, Naib Presiden Majlis Bella Malaysia (MBM) dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datuk Mokhtar Hashim.

Seminar tersebut anjuran Majlis Bella Asia dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Majlis Bella Malaysia dan Friedrich Naumann Foundation. — B Foto: H.Y. LEE.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia